

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
KAWASAN : SETIU
TARIKH : 9.10.2014 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 54

YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH (SETIU) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengurangkan import produk Israel dan sekutunya serta menggantikan produk-produk tersebut dengan barangan keluaran tempatan sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap produk-produk import.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Ingin dimaklumkan bahawa Malaysia tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Israel dan tidak mempunyai hubungan ekonomi secara rasmi dengan Israel. Namun begitu, perdagangan antarabangsa Malaysia lazimnya dikendali oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinasional (MNCs) melalui rangkaian bekalan antarabangsa (*international supply chain*) mereka.

Beberapa syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia terlibat dalam amalan rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain*) dan Israel adalah sebahagian daripada rangkaian tersebut. Amalan perniagaan dan pelaburan antarabangsa ini adalah di luar kawalan Kerajaan.

Selain amalan rangkaian bekalan antarabangsa, aktiviti perdagangan lain juga berlaku untuk terus menyokong pembangunan ekonomi Palestin. Ini kerana, semua produk eksport Malaysia yang dikhususkan untuk pasaran ke Palestin dan Wilayah Gaza perlu melalui Pelabuhan Ashdod, Ilat dan Haifa di wilayah Israel memandangkan pelabuhan di Gaza masih dikepung oleh tentera laut Israel.

Urusan pentadbiran perdagangan seperti yang dijelaskan sebelum ini, memerlukan kelulusan lesen import dan eksport di mana barangan berasal dari, melalui atau ke Israel tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2012.

Mengambil kira perkembangan semasa di Gaza dan sebagai sokongan Kerajaan Malaysia terhadap usaha menghentikan kezaliman ke atas rakyat Palestin, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menghentikan semua pengeluaran Import dan Eksport sejak 20 Julai 2014 kecuali bagi perdagangan melibatkan rangkaian bekalan antarabangsa serta perdagangan dengan Palestin dan Wilayah Gaza melalui Israel.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM
[KUBANG PASU]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM [KUBANG PASU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan mengenai DPN apakah dasar berkenaan telah dapat diimplementasikan sejak ianya diwujudkan dan apakah kekangan di dalam pelaksanaannya selain itu apakah wujudnya PR1MA merupakan saingan kepada DPN kerana PR1MA lebih bersifat komersial.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perumahan Negara (DRN) telah mula dilaksanakan pada awal 2012. Sehingga kini, 10% daripada pelan tindakan telah selesai dilaksanakan manakala 84% selebihnya sedang dalam pelaksanaan. Pemantauan mengenai pelaksanaan pelan tindakan DRN ini dilakukan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama dengan agensi peneraju yang lain.

Sementara itu, kewujudan PR1MA bukanlah untuk menjadi saingan kepada DRN. Sebaliknya, PR1MA merupakan salah satu komponen yang menjayakan DRN itu sendiri bila mana ia turut menjadi agensi peneraju dalam pelaksanaan pelan tindakan dasar tersebut.